



(*PPU 010 B*)

JABATAN PENERBANGAN AWAM

PROSEDUR UNTUK MEMOHON LESEN – (*ASL*)

1. LESEN PERKHIDMATAN UDARA –

Iaitu penerbangan secara berjadual – untuk tujuan pengangkutan penumpang, mel atau kargo melalui udara untuk sewa dan upah.

(Rujuk Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam, 1996, dibawah Peraturan 11)

2. MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMOHON LESEN PERKHIDMATAN UDARA

Semua permohonan untuk lesen di atas hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Khas Jabatan (*PPU 010*). Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah seperti dibawah ini:

- a) Nama pemohon
 - (i) Nama/No. kad pengenalan/jawatan
 - (ii) Nama Syarikat
 - (iii) No. pendaftaran syarikat
- b) Alamat pemohon/No. telefon/Fax dsb.
- c) Carta Struktur Organisasi
 - (i) Senarai Ahli Lembaga Pengarah
 - (ii) Senarai nama pegawai-pegawai syarikat diperingkat pengurusan mengikut bahagian utama serta latar belakang/pengalaman/kelulusan masing-masing.
- d) Struktur Kewangan
 - (i) Pemegang ekuiti/saham syarikat dan peratusan Bumiputra dan Bukan Bumiputra.
(Sila lampirkan Borang 24 dan 49 dari Pejabat Pendaftar Syarikat)

- (ii) Bukti sumber kewangan syarikat untuk membiayai syarikat dan operasi.
 - (iii) Anggaran penyata akaun untung dan rugi syarikat untuk tiga (3) tahun mula beroperasi.
 - (iv) Anggaran kasar perbelanjaan dan pendapatan termasuk butir-butir mengenai perbelanjaan minyak, gaji pekerja, pemberian pesawat, caj lapangan terbang, insuran pesawat dan sebagainya.
 - (v) Butir-butir terperinci mengenai kos yang terlibat untuk tempoh mulai dari syarikat mula menghantar permohonan sehingga syarikat memulakan operasi dan penjelasan bagaimana syarikat membiayai mana-mana kos yang terlibat.
 - (vi) Anggaran aliran tunai syarikat untuk tempoh dua (2) tahun pertama beroperasi.
 - (vii) Maklumat untuk membiayai pesawat samada membeli atau menyewa termasuk syarat-syarat menyewa pesawat.
- e) Perkhidmatan yang dicadangkan
- Penumpang/kargo/campuran atau sebagainya secara berjadual
 - Laluan/destinasi yang dicadangkan
 - Kajian trafik yang dilakukan
 - Dokumen lain yang boleh menyokong permohonan
- f) Pesawat yang dicadangkan
- Jenis & bilangan pesawat
 - Bilangan penumpang
 - Tahun dibina/buatan
- g) Butir-butir insuran pesawat & penumpang termasuk pihak ketiga (*Third Party*)
- h) Urusan penyenggaraan pesawat
- Tempat & Hangar
 - Pengakalan operasi yang dicadangkan
- i) Faedah kepada negara dengan adanya perkhidmatan ini (samada pelancongan, perniagaan & perdagangan)